

# Idea Semangat Berfikir oleh Syed Hussein Alatas: Tinjauan terhadap Pengukuhan Identiti dan Persoalan Kemajuan Umat Islam

<sup>1</sup>Noorilham Ismail, <sup>2</sup>Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, <sup>3</sup>Zarifah Arsani & <sup>4</sup>Juliana Ahmad

<sup>1</sup>Penyelidik Bebas, noorilham\_ismail@yahoo.com

<sup>2</sup>Universiti Malaysia Perlis, MALAYSIA, kasturi@unimap.edu.my

<sup>3</sup>Penyelidik Bebas, zarf5994@gmail.com

<sup>4</sup>Universiti Malaysia Perlis, MALAYSIA, julianaahmad@unimap.edu.my

**Published:** 28 June 2022

**To cite this article (APA):** Ismail, N., Abd Aziz, M. K. N., Arsani, Z., & Ahmad, J. (2022). Idea Semangat Berfikir oleh Syed Hussein Alatas: Tinjauan terhadap Pengukuhan Identiti dan Persoalan Kemajuan Umat Islam. *Firdaus Journal*, 2(1), 101-110. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.1.9.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.1.9.2022>

## Abstrak

Makalah ini menumpukan perbincangan terhadap idea semangat berfikir oleh Syed Hussein Alatas dengan memberi keutamaan kepada soal pengukuhan identiti dan persoalan kemajuan umat Islam pada hari ini. Objektif utama makalah ini adalah untuk menganalisis idea semangat berfikir yang telah dikemukakan oleh Syed Hussein terutamanya dalam karya beliau, "*Kita dengan Islam Tumbuh Tiada Berbuah*". Analisis terhadap idea semangat berfikir oleh Syed Hussein ini penting untuk membuktikan usaha beliau dalam memajukan bangsa di samping membentuk satu gagasan pemikiran yang realistik bagi diaplikasikan oleh lapisan masyarakat ke arah pembentukan kemajuan bangsa. Kaedah kualitatif telah digunakan dalam makalah ini untuk menilai idea semangat berfikir oleh Syed Hussein seperti yang terkandung dalam karya penulisannya yang telah dinyatakan sebelum ini dengan turut melibatkan olahan atas karya-karya beliau yang lain. Sumber-sumber sekunder seperti tesis, buku dan jurnal turut dijadikan sebagai pelengkap kepada perbincangan dalam makalah ini dalam satu naratif yang objektif dan autoritatif. Kesimpulan makalah ini dapatlah dikatakan bahawa idea semangat berfikir oleh Syed Hussein merupakan satu gagasan penting yang berupaya untuk membentuk pengukuhan identiti bangsa dan kemajuan umat Islam dalam dunia pada hari ini.

**Kata kunci:** Syed Hussein Alatas, idea semangat berfikir, pengukuhan identiti, kemajuan umat Islam.

## Pengenalan

Yang menjadi persoalan sekarang bukan lagi baik atau tidaknya sains, tetapi bagaimana caranya menghidupkan semangat ilmu pengetahuan (sains) dalam kalangan masyarakat. Berhubung dengan ini, ada satu masalah yang penting sekali. Masuknya alat dan cara-cara baharu sains belum bererti masuknya semangat sains. Umpamanya jika seorang memakai motokar (mobil) belum bererti bahawa ia telah berjiwa sains. Setakat ini kita hanya menggunakan hasil usaha sains. Daripada ini nyatalah bahawa bangkitnya semangat berfikir

secara ilmiah digerakkan oleh pengaruh-pengaruh lain, tiada semata-mata dengan menggunakan hasil usaha sains (Syed Hussein 2015a, 46).

Petikan tersebut merupakan catatan oleh Syed Hussein Alatas dalam bab keempat karyanya, *Kita dengan Islam Tumbuh Tiada Berbuah (KDITTB)*. Melalui kenyataan tersebut, Syed Hussein dengan jelas dan tegas telah menyatakan bahawa peri pentingnya penguasaan terhadap ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan sains menerusi kebangkitan semangat berfikir. Perkara tersebut tidak akan tercapai melalui penggunaan produk atau peralatan sains tanpa seseorang itu mendalami secara bersungguh-sungguh terhadap ilmu pengetahuan itu sendiri. Rentetan itu, kertas kerja ini kemudiannya akan memfokuskan perbincangan mengenai kepentingan idea semangat berfikir menurut pemikiran Syed Hussein bagi penguatan identiti dan persoalan kemajuan umat Islam pada hari ini. Hal ini penting kerana gagasan idea Syed Hussein ini mengandungi elemen-elemen teoritikal yang realistik dan rasional untuk diaplikasikan oleh diri setiap individu ke arah pembangunan dan kemajuan ilmu pengetahuan.

Syed Hussein Alatas merupakan seorang pemikir dalam dunia Islam pada kurun ke-20 yang telah banyak menghasilkan karya intelektual yang bertujuan untuk memajukan umat Islam. Beliau telah dilahirkan di Bogor, Indonesia pada tahun 1928 dan telah membesar di Sukabumi dan Johor Bahru sebelum beliau melanjutkan pendidikan ke Amsterdam, Belanda lalu berkhidmat dalam dunia intelektual sehinggalah kematian beliau pada bulan Januari 2007 di Singapura (2015a, ix). Beliau telah menghasilkan pelbagai karya yang berkait dengan gagasan ilmu sosiologi, sejarah, kesusasteraan, kemanusiaan dan falsafah yang besar manfaatnya dalam dunia ilmu pengetahuan. Karya-karya yang dihasilkan oleh beliau telah memfokuskan idea semangat berfikir yang menjadi asas penting kepada perubahan dan kemajuan masyarakat itu sendiri. Secara umumnya, semangat berfikir menurut Syed Hussein adalah satu usaha untuk individu itu menggunakan akal rasional dan berusaha untuk menguasai ilmu pengetahuan tanpa mengira sama ada ilmu sains atau ilmu sosiologi di samping tidak memahami dalil-dalil agama dalam kerangka yang sempit. Kesiediaan Syed Hussein dalam mengemukakan idea semangat berfikir ini telah menjadikan satu asas penting dalam dunia Islam hari ini yang sememangnya memerlukan wacana dan diskusi ilmu pengetahuan untuk keperluan umat Islam dalam mendepani cabaran pemodenan yang sentiasa berubah-ubah.

Menerusi kajian terdahulu, sememangnya banyak pengkaji yang telah memfokuskan kajian masing-masing terhadap pemikiran Syed Hussein. Antara pengkaji tersebut termasuklah Syarifah Munirah Alatas (2020), Leon Moosavi (2018), Joao Marcelo Maia (2014), Habibul Haque Khondker (2006) dan A. B. Shamsul (2006) yang telah meneliti sumbangan pemikiran Syed Hussein dalam wacana intelektual. Mereka telah mengemukakan perbincangan masing-masing sama ada dari segi kedudukan Syed Hussein dalam wacana intelektual ilmu sosiologi, era dekolonialisasi, bandingan dengan idea pemikir lain dan isu berkaitan identiti bangsa. Walau bagaimanapun, perbincangan mereka ini kurang memberi tumpuan kepada idea semangat berfikir oleh Syed Hussein dalam membentuk penguatan identiti diri dan kemajuan hidup umat Islam. Menerusi kelompongan tersebut, kertas kerja ini cuba untuk menganalisis idea semangat berfikir oleh Syed Hussein dengan isu yang telah dinyatakan melalui perbincangan yang lebih berobjektif, informatif dan autoritatif.

### **Permasalahan Kajian**

Berdasarkan kelompongan dalam kajian terdahulu, permasalahan kajian yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Kurangnya perbincangan mengenai idea semangat berfikir oleh Syed Hussein dalam membentuk penguatan identiti diri umat Islam.
- ii. Tiadanya penekanan terhadap idea semangat berfikir oleh Syed Hussein dalam memajukan umat Islam dalam dunia pada hari ini.

## Objektif

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah disebutkan, objektif kertas kerja ini adalah untuk:

- i. Menilai idea semangat berfikir oleh Syed Hussein dalam pengukuhan identiti bangsa.
- ii. Menganalisis idea semangat berfikir oleh Syed Hussein sebagai kerangka untuk memajukan umat Islam itu sendiri.

## Metodologi

Kertas kerja ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis karya penulisan Syed Hussein Alatas, KDITTB. Karya tersebut terdiri daripada sembilan bab perbincangan yang merupakan terbitan semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 2015. Karya tersebut telah diolah dan dianalisis dari segi idea-idea berkaitan dengan identiti diri di samping kemajuan umat Islam yang akan dihujahkan dalam perbincangan yang lebih berobjektif. Idea-idea dalam karya tersebut kemudiannya dikemukakan dalam satu naratif perbincangan yang turut melibatkan sumber-sumber sekunder lain sama ada daripada sumber tesis, buku mahupun jurnal. Olahan yang dibuat ini penting untuk menyokong idea-idea yang dikemukakan oleh Syed Hussein bagi menghasilkan perbincangan yang lebih informatif dan berautoritatif di samping keseimbangan penilaian atas idea-idea beliau.

## Analisis Data dan Dapatan Kajian

### Idea Semangat Berfikir oleh Syed Hussein Alatas

Syed Hussein Alatas telah menggesa supaya bangkitnya semangat berfikir dalam kalangan umat Islam sebagai satu tindakan yang menyahut seruan Islam agar penganutnya memperoleh kejayaan di dunia dan di akhirat. Usaha Syed Hussein ini ternyata penting dalam membentuk satu pandangan hidup (*world view*) untuk umat Islam memahami makna sebenar di sebalik penciptaan mereka sebagai manusia di dunia ini. Syed Hussein (2015a, 54) telah menggariskan antara lain halangan daripada semangat berfikir apabila terdapat dalam kalangan umat Islam yang menganggap kehidupan di dunia ini tidak penting sebaliknya hanya perlu menumpukan kepada kehidupan akhirat semata-mata sedangkan Islam tidak meminta penganutnya berbuat demikian. Hal ini selanjutnya membawa kepada permasalahan yang lebih kritikal untuk umat Islam apabila perkara tersebut dibiarkan berlanjutan dan Syed Hussein telah menjelaskan perkara ini dengan kenyataan:

Soal menitikkan faktor ekonomi dan rasionalisme perlu sekali mengingat keadaan masyarakat kita yang sedang diselimuti oleh awan gelap, awan kepercayaan kuno, awan mistik yang karut, awan nilai-nilai kotor, awan pemikiran cetek dan degil, awan bebalisme, awan gelap yang hanya dapat dipecahkan oleh cahaya rasionalisme (Syed Hussein 2015a, 150).

Keterangan Syed Hussein itu menunjukkan bahawa umat Islam terhimpit dengan pelbagai permasalahan yang berkaitan dengan cara berfikir sehingga memberi kesan kepada perkembangan serta daya saing umat Islam dalam konteks perubahan zaman. Analogi “awan” yang disebutkan oleh Syed Hussein sebagai satu tamsilan negatif yang menjelaskan bahawa tertutupnya matahari kegemilangan dunia peradaban Islam lalu menyebabkan mendung berpanjangan sehingga mengakibatkan terkebelakangnya umat Islam dalam aspek kemajuan. Usaha Syed Hussein dalam menyeru semangat berfikir ini boleh dilihat sebagai usaha pencerahan untuk umat Islam di peringkat global secara amnya dan di Malaysia secara

khususnya. Jika diteliti usaha untuk memurnikan cara berfikir yang berkaitan dengan hubungan dengan agama ini, pernah diusahakan oleh individu tertentu dalam peradaban manusia di luar dunia Islam. John Locke (2003) yang merupakan pemikir Inggeris pada kurun ke-17 misalnya telah menggesa agar tafsiran terhadap hubungan antara manusia dengan agama dimurnikan semula atas nama kemanusiaan. Bagi Locke, setiap manusia adalah sama dari segi kurniaan akal fikiran tanpa wujudnya batas pemisah antara satu kelompok manusia dengan satu kelompok manusia yang lain. Hal ini penting untuk difahami bagi mengelakkan manipulasi pihak-pihak tertentu dalam menyalahgunakan agama hingga menyekat semangat berfikir setiap individu bagi memperoleh ilmu pengetahuan dan kemajuan dalam hidup.

Gesaan daripada Syed Hussein mengenai peri pentingnya umat Islam dalam memecahkan kepompong kemunduran yang membelenggu mereka bukanlah satu retorik ataupun kata-kata teoritikal yang terlalu idealistik tanpa apa-apa pembuktian. Syed Hussein sendiri dalam usahanya untuk memberi kesedaran kepada umat Islam tentang perlunya pertimbangan rasional yang menggunakan akal. Hal ini terbukti menerusi perdebatan beliau dengan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) mengenai pendermaan organ khususnya dalam soal pendermaan kornea mata. Perdebatan yang berlangsung dari awal bulan Ogos hingga awal bulan September melalui medium rencana akhbar pada tahun 1973 itu jelas membuktikan bahawa usaha Syed Hussein dalam memberi pencerahan tentang kebijaksanaan penggunaan dalil naqli dan dalil aqli. Fatwa oleh MUIS yang telah mengharamkan sebarang pendermaan organ telah dipertikaikan oleh Syed Hussein atas hujahannya yang menerangkan bahawa soal kemanusiaan dan penyelesaian sesuatu kemaslahatan merupakan satu keutamaan dalam Islam. Syed Hussein (2015b) juga turut membidas tindakan MUIS melalui muftinya yang menggunakan nas dan hadis yang bukan pada tempatnya sehingga menimbulkan kekeliruan lalu perkara ini dimuatkan dalam karya beliau, "*Biarkan Buta: Sekitar Perbahasan Ilmiah Derma Kornea Mata*". Tindakan ini jelas menunjukkan bahawa Syed Hussein berusaha supaya umat Islam bijak menyelesaikan apa-apa kemaslahatan dengan mengelakkan daripada memahami Islam dalam kerangka sempit di samping pertimbangan yang seiring dengan perkembangan ilmu sains dan pengetahuan.

Selain itu, Syed Hussein turut berusaha memberi satu tafsiran baharu bagi meruntuhkan tinggalan ilmu warisan kolonial yang memandang rendah terhadap kedudukan penduduk peribumi. Gesaan ini masih lagi berkisar kepada semangat berfikir agar generasi pada hari ini tanpa mengira sama ada golongan elit, masyarakat marhaen ataupun ahli akademik supaya lebih kritis dalam menilai kedudukan sejarah, kebudayaan dan pencapaian oleh bangsa mereka sendiri. Syed Hussein (2016a) telah menulis karya magnum opusnya iaitu, "*Mitos Peribumi Malas*" dalam menyanggah warisan tinggalan kolonial yang memandang negatif kebudayaan dan daya usaha penduduk tanah jajahannya. Tindakan Syed Hussein ini bukanlah sesuatu yang asing atau terkongkong dalam penilaian yang dangkal kerana sarjana seperti Edward Said (2018) turut membahaskan soal *Orientalism* ini pada tahun 1978 iaitu sezaman dengan karya Syed Hussein yang dinyatakan tadi. Keadaan ini jelas memperlihatkan kesungguhan Syed Hussein dalam membangkitkan idea semangat berfikir untuk sebuah masyarakat khususnya lingkungan komuniti umat Islam itu sendiri. Dalam hal ini, semangat berfikir yang berjaya dibentuk pastinya dapat menggerakkan umat Islam dalam mencorak hala tuju kemajuan kehidupan mereka terutamanya dalam menguasai ilmu pengetahuan dan kesedaran terhadap kualiti diri masing-masing.

Pada masa yang sama, Syed Hussein turut tidak ketinggalan dalam usahanya untuk membangkitkan semangat berfikir bagi meruntuhkan kerangka indoktrinasi golongan elit pemerintah. Bagi Syed Hussein, perkara ini merupakan satu kekangan untuk sesebuah masyarakat mencapai kemajuan daripada sebuah negara yang mundur kepada sebuah negara yang mencapai tahap pembangunan menyeluruh. Perkara ini terlihat melalui gesaan beliau agar golongan intelektual memainkan peranan masing-masing supaya tidak terbencong dengan bebalisme atas kedudukan yang dimiliki mereka dalam memacu kemajuan masyarakat terutama dalam kalangan negara membangun (Syed Hussein, 2016b). Syed Hussein (2015c) juga menggesa supaya penilaian kritis dibuat atas sebarang usaha daripada pemerintah yang ingin meluaskan retorik politik seperti yang terlihat dalam karya beliau, "*Siapa yang Salah Sekitar Revolusi Mental dan Peribadi Melayu*". Dalam karya

tersebut, Syed Hussein menentang kenyataan yang dibuat oleh segelintir penulis dalam buku *Revolusi Mental* yang telah dinyatakan kemunduran bangsa Melayu adalah berkaitan dengan tiadanya tradisi berfikir dalam kalangan masyarakat di samping ketidakupayaan untuk bergerak ke arah kemajuan ala Barat dalam aspek ekonomi. Dalam penulisan itu juga, Syed Hussein telah menyangkal kenyataan kemalasan bangsa Melayu seperti yang telah dikemukakan dalam buku *Dilema Melayu* hasil tulisan Tun Dr. Mahathir Mohamad (kemudiannya menjadi Perdana Menteri Malaysia keempat dan ketujuh).

Dalam keadaan ini, Syed Hussein menyeru agar pintu ijtihad kembali dibuka oleh umat Islam bagi meraikan semangat berfikir dalam kalangan umat Islam. Secara tidak langsung, perkara ini dapat menolak pengaruh dan bawaan negatif daripada hal-hal negatif yang berkaitan dengan isu yang dinyatakan dalam karya Syed Hussein sebelum ini. Menurut Syed Hussein (2015a, 79), maksud ijtihad ialah berusaha sekuat tenaga berfikir untuk menentukan pendapat yang bermanfaat untuk menyelesaikan persoalan yang dihadapi oleh umat Islam itu sendiri. Dalam sejarah, tokoh-tokoh seperti Syeikh Jalaludin al-Afghani, Muhammad Abduh, Rashid Rida, Shakib Arsalan antara pemikir yang telah menggemakan seruan agar pintu ijtihad kembali dibuka supaya umat Islam tidak ketinggalan dalam arus perubahan zaman (Hourani, 1983). Di Tanah Melayu pula, gesaan untuk semangat berfikir dan dibukanya pintu ijtihad ini turut disuarakan oleh Kaum Muda yang terdiri daripada Syed Syeikh alHadi, Syeikh Tahir Jalaludin, Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) dan Dr. Burhanudin al-Helmy supaya bangsa Melayu memajukan diri serta masyarakat dengan ilmu pengetahuan (Kamarul, 2018). Oleh itu, tuntutan Syed Hussein agar dibukanya pintu ijtihad bukanlah satu yang asing atau terpinggir dalam arena perjuangan para pemikir Islam itu sendiri. Dalam hal ini, sarjana kontemporari seperti Ahmet T. Kuru (2019) turut memperakui bahawa kemunduran umat Islam pada hari ini berlaku adalah kesan daripada tertutupnya pintu ijtihad sejak kurun ke-11 sehingga menjadikan umat Islam beransur-ansur terpinggir dan terus mengalami kemunduran.

Dalam hal ini, ternyata kenyataan daripada Syed Hussein supaya diperluas semangat berfikir dalam kalangan umat Islam adalah satu perkara yang cukup signifikan. Persoalannya, apakah perolehan sekiranya semangat berfikir ini kembali disemarakkan dalam kalangan umat Islam? Bagaimanakah semangat berfikir ini boleh terlaksana dalam konteks masyarakat Islam pada hari ini. Perkara ini tidak lain adalah berkaitan dengan soal pengukuhan identiti diri umat Islam di samping sebagai pemangkin ke arah kemajuan umat seperti yang akan dijelaskan selepas ini.

### **Pengukuhan Identiti Bangsa**

Untuk membangkitkan semangat berfikir, Syed Hussein Atlas telah memfokuskan soal pencerahan identiti individu yang menganuti Islam sebagai cara hidup. Tumpuan beliau adalah kepada bahan-bahan bacaan yang menjadi rujukan setiap individu sehingga berupaya membentuk cara berfikir dan tingkah laku. Sebagai contoh yang spesifik, Syed Hussein pernah menunjukan idea semangat berfikir untuk merevolusikan identiti bangsa Melayu secara dalaman dan luaran. Lanjutan itu, Syed Hussein telah membahaskan berkenaan dengan rujukan bangsa Melayu yang menganuti agama Islam atas teks-teks klasik tertentu seperti Sejarah Melayu hanyalah menjadikan bangsa tersebut semakin terkebelakang dengan psikologi jiwa hamba di samping ketandusan semangat berfikir dan nilai kemanusiaan. Syed Hussein mengulas perkara ini dengan kenyataan:

... isi *Sejarah Melayu* itu terlalu banyak mengandungi unsur-unsur yang tidak sihat dari segi falsafah perjuangan Islam, ataupun faham-faham kemanusiaan lainnya yang menggerakkan jiwa manusia zaman sekarang... *Hikayat Hang Tuah* dan *Sejarah Melayu* penuh dibubuhi oleh unsur-unsur yang merupakan candu dan racun, menghambat pertumbuhan jiwa yang sihat dan menghalang pertumbuhan jiwa manusia Malaysia baharu (Syed Hussein 2015, 33-34).

Kenyataan daripada Syed Hussein itu ternyata telah terarah kepada kandungan dalam manuskrip klasik seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* yang telah membantutkan semangat berfikir serta nilai nasionalisme dalam diri bangsa Melayu yang beragama Islam. Perkara ini ada asasnya apabila kandungan kedua-dua buah manuskrip tersebut telah didominasi oleh nilai “feudal”, ketaksuban dan sikap taat membuta tuli kepada kelompok tertentu yang dilihat mempunyai nilai supremasi sedangkan perkara tersebut ditegah oleh Islam. Tamsilan racun dan candu yang digunakan oleh Syed Hussein untuk menjelaskan kesan daripada mengagung-agungkan karya tersebut telah menyebabkan bangsa Melayu semakin mundur dalam perubahan kemajuan. Syed Hussein (2015a, 160) telah menggesa supaya karya-karya daripada Karl Mannheim, Emil Brunner, Johan Huizinga, Jacques Maritain dan Teilhard du Chardin dirujuk. Syed Hussein (2015a, 160) turut menambah bahawa tulisantulisan daripada segelintir pemikir Islam hanyalah berkaitan dengan soal asas dalam Islam tanpa usaha untuk menyelesaikan kemaslahatan sezaman seperti yang dihasilkan oleh Abul A’la Maududi, Muhammad Qutb, Abul Hasan Ali Hasani Nadwi dan Muhammad Asad. Tindakan Syed Hussein ini bukanlah bermaksud untuk meminggirkan buah fikiran daripada penulis-penulis Islam tetapi beliau menganjurkan supaya umat Islam memperluaskan bahan bacaan dengan merujuk penulisan pemikir Barat selagi tulisan mereka boleh memberi manfaat untuk semangat berfikir.

Keadaan tersebut bukanlah bermakna umat Islam perlu mengambil sepenuhnya apa-apa dari Barat tanpa satu penilaian yang rasional, tetapi setidaknya-tidaknya berupaya untuk membawa umat Islam lebih terbuka kepada penghasilan ilmu pengetahuan. Perkara berkenaan bukanlah asing dalam peradaban Islam kerana pada satu ketika, terutamanya sewaktu kerajaan Abbasiyah berdiri di Baghdad, umat Islam telah menerima dan mengambil manfaat daripada peradaban lain. Hasil-hasil karya falsafah, matematik, astronomi, geografi dan perubatan telah diperoleh menerusi kegiatan penterjemahan karya dari tamadun Yunani, China, Rom dan India. Keterbukaan kepada ilmu pengetahuan ini diperkukuhkan sewaktu era pemerintahan khalifah Harun al-Rashid dan al-Makmun yang memberi galakan kepada penerokaan ilmu pengetahuan, yang kemudiannya dijadikan sebagai khazanah dalam Baitul Hikmah (Gutas, 1998). Pemikir Islam seperti al-Kindi, al-Farabi, Ibn Sina, Ibn Haitham dan Ibn Rushd telah membangunkan satu legasi ilmu pengetahuan yang mampu menjadikan Islam sebagai peradaban rujukan kepada tamadun lain. Oleh itu, kenyataan Syed Hussein sebelum ini mempunyai signifikan tersendiri agar umat Islam tidak terpinggir dalam kemajuan ilmu pengetahuan yang sentiasa berkembang seiring dengan penemuan dan kajian-kajian baharu.

Selain itu, tindakan untuk mengambil manfaat daripada perkembangan ilmu pengetahuan dalam peradaban lain turut dijadikan sebagai kerangka model bangsa-bangsa lain di dunia untuk mencapai kemajuan. Amerika Syarikat yang merupakan kuasa besar dunia pada hari ini tidak berada pada kedudukannya sekarang dalam sekelip mata kerana negara tersebut telah melalui perjalanan dan penerokaan ilmu pengetahuan dalam satu jangka masa panjang. Sewaktu era pentadbiran Presiden Thomas Jefferson (1800-1808), ilmu pengetahuan telah berkembang dengan cukup menggalakkan terutamanya selepas penubuhan *Academical Village* yang menyediakan tempat untuk para pelajar mendalami ilmu pengetahuan seperti falsafah moral linguistik dan sains (Holowchak, 2014). Dalam tamadun Jepun pula, Maharaja Mikado Meiji telah menghantar misi Iwakura ke Eropah dan Amerika Syarikat pada penghujung kurun ke-19 supaya dapat mendalami ilmu pengetahuan di luar Jepun (Kunitake, 2009). Usaha inilah pada akhirnya dapat memberi pencerahan kepada identiti bangsa Amerika Syarikat dan Jepun hingga berada pada kedudukan mereka kini.

Dalam situasi ini, ternyata gesaan Syed Hussein untuk umat Islam memperluas semangat berfikir adalah supaya umat Islam tidak ketinggalan dalam soal pemodenan. Perolehan ilmu pengetahuan ini dapat mengukuhkan identiti diri umat Islam sebagai satu umat manusia yang mampu menguasai ilmu pengetahuan yang pastinya memberi manfaat dalam banyak perkara. Tuntutan Syed Hussein agar umat Islam sentiasa memberi keutamaan kepada ilmu pengetahuan ternyata seiring dengan perjalanan bangsa-bangsa lain yang telah menemui kemajuan sejak era kegemilangan kerajaan Islam hingga zaman moden dunia pada

hari ini. Manfaatnya, pengukuhan identiti umat Islam dengan nilai pengetahuan pada akhirnya dapat menjana kemajuan yang begitu diperlukan oleh umat Islam di serata dunia kini.

### **Persoalan Kemajuan Bangsa**

Dalam pertimbangan Syed Hussein Alatas, semangat berfikir itu mampu menggerakkan suatu kelompok manusia untuk mencapai kemajuan dalam kehidupan mereka. Perkara tersebut diperincikan oleh beliau dalam bab kedua KDITTB dengan menggariskan tuntutan supaya dipenuhi keperluan asas seperti makanan, pendidikan, tempat tinggal, keselamatan dan ketenteraman awam. Syed Hussein kemudiannya telah menggagaskan satu bentuk idea kemajuan masyarakat yang hidup dalam kerangka sosial yang harmoni dan bukannya berpaksikan individualistik. Perkara berkenaan selari dengan konsep persaudaraan yang dianjurkan oleh Islam bagi mengukuhkan ikatan kemanusiaan dalam ruang lingkup keadilan, kebaikan dan kesejahteraan. Syed Hussein menjelaskan komponen kemajuan masyarakat ini dengan kenyataan:

Pengertian kemajuan kita ini bukan hanya mencapai kemakmuran jasmani seperti makan minum, pakaian, dan rumah, tetapi lebih jauh daripada itu, yakni ketenteraman rohani, kesenangan rohani, dan adanya anggota-anggota masyarakat yang dapat menumbuhkan dan menimbulkan nilai-nilai kemanusiaan, serta terdapat suatu suasana keadilan yang meliputi seluruh masyarakat. Baru kita dapat mengatakan masyarakat ini adalah masyarakat yang maju (Syed Hussein 2015a, 25).

Berdasarkan kenyataan tersebut, Syed Hussein telah menggariskan beberapa komponen dalam membentuk ciri sebuah masyarakat yang maju di samping menerima manfaat dengan nilai kebaikan dalam kehidupannya. Bermula dengan keperluan asas yang dipenuhi, masyarakat maju menurut Syed Hussein turut sampai ke satu peringkat kehidupan yang adil dan harmoni di samping kesenangan rohani dan semangat kemanusiaan yang tinggi. Perkara ini bukanlah suatu yang terlalu idealistik untuk dicapai, tetapi boleh diperoleh melalui usaha bersama daripada segenap lapisan masyarakat dan pemimpin sehingga ke lapisan rakyat tanpa sebarang penindasan. Kehidupan yang maju ini juga dapat dicapai apabila masyarakat itu sendiri bebas daripada jenayah-jenayah yang terang-terangan menindas seperti rasuah sama ada dalam bentuk yang aktif mahupun pasif. Syed Hussein sendiri telah menghurai dan menjelaskan betapa kritikalnya masyarakat yang dibelenggu oleh jenayah rasuah ini hingga pada akhirnya menyekat kemajuan seperti yang dikemukakan oleh beliau dalam bukunya, *Rasuah: Sifat, Sebab dan Fungsi*. Tindakan Syed Hussein ini telah membuktikan bahawa beliau menilai kemajuan itu bukanlah satu perkara yang terlihat pada luaran semata-mata tetapi turut berkaitan dengan intipati dalaman yang mengukuhkan kemajuan itu sendiri dari dalam.

Dalam keadaan ini, timbul beberapa persoalan, apakah yang perlu dilakukan oleh sesuatu masyarakat untuk bergerak ke arah kemajuan seperti yang dijelaskan oleh Syed Hussein? Apakah halangan yang perlu diatasi bagi mencapai kemajuan tersebut? Dalam konteks ini, idea semangat berfikir yang dikemukakan oleh Syed Hussein mampu bertindak sebagai satu daripada langkah penyelesaian terhadap kedua-dua persoalan tersebut. Melalui semangat berfikir yang ada, setiap individu itu dapat mengetahui dan memahami beberapa perkara yang menghalang kemajuan kehidupan mereka sama ada dari segi faktor sejarah ataupun kelemahan dari dalam diri mereka sendiri.

Bagi Syed Hussein, usaha untuk menghidupkan semangat berfikir ini perlu bagi memecahkan "*world view*" yang telah ditinggalkan oleh penjajah dari zaman-berzaman. Setiap individu dalam kelompok bangsanya perlulah menilai semula dan mencari penyelesaian objektif atas idea peninggalan penjajah yang menyekat semangat berfikir sesuatu bangsa. Hal ini demikian kerana, kehadiran penjajah itu sendiri bukan semata-mata dalam bentuk cengkaman politik dan ekonomi, tetapi turut berkaitan dengan soal kebudayaan. Sarjana seperti Edward Said (1993, 9) telah menyebutkan perkara ini sebagai:

... "imperialism" means the practice, the theory, and the attitudes of a dominating metropolitan center ruling a distant territory... Imperialism is simply the process or policy of establishing or maintaining an empire... Imperialism, as we shall see, lingers where it has always been, in a kind of general culture sphere as well as in specific political, ideological, economic, and social practices.

Bagi mengatasi permasalahan tersebut, Syed Hussein telah berusaha dalam menghasilkan wacana intelektual yang cuba untuk meruntuhkan warisan peninggalan ilmu kolonial. Buktinya, beliau telah menulis *Mitos Peribumi Malas* yang menentang sama sekali pandangan kolonial yang mengatakan bahawa penduduk peribumi itu malas dan tidak mempunyai daya saing untuk maju. Bagi Syed Hussein (2016a), model kapitalisme penjajah itu sendiri telah meminggirkan, melemahkan, dan mengetepikan penduduk peribumi daripada mencapai kemajuan kerana pengeksploitasian ekonomi tersebut hanyalah untuk kepentingan penjajah. Perkara ini perlu difahami oleh setiap individu bagi melepaskan diri mereka daripada cengkaman inferioriti yang menyekat diri mereka daripada mencorakkan kemajuan. Dalam konteks umat Islam pada hari ini, perkara tersebut ternyata lebih penting dan menjadi keutamaan untuk difikirkan bagi membebaskan pemikiran umat daripada terus terbawa-bawa dengan idea negatif tinggalan imperialis.

Bagi umat Islam, kelemahan dalam diri turut perlu diatasi dengan semangat berfikir seperti yang dibincangkan di sini. Menurut Syed Hussein, kurangnya semangat berfikir dalam kalangan umat Islam menjadi lebih kritikal apabila perkara tersebut ditambah dengan soal kekurangan yang bersifat subjektif dan objektif dalam kalangan umat Islam (2015a, 44). Kekurangan subjektif merujuk soal ketiadaan kekuatan, kemahiran, kebijaksanaan dalam diri untuk mengurus permasalahan yang wujud manakala kekurangan objektif berkait rapat dengan faktor material di luar diri umat Islam sehinggakan mereka hanya menjadi pengguna kepada sebarang penghasilan teknologi sains. Hal ini ternyata telah menghalang kemajuan umat Islam dalam dunia kini berbanding satu ketika dahulu, peradaban Islam itu sendiri telah menjadi panduan dan rujukan oleh bangsa dan tamadun lain. Situasi ini telah menyebabkan umat Islam pada hari ini terus terbelenggu dalam kalangan negara-negara membangun ditambah pula dengan munculnya kepimpinan yang berteraskan autoritarianisme (Kuru, 2019). Tanpa kesungguhan semangat berfikir, sudah tentu permasalahan ini tidak dapat diselesaikan sedangkan keadaan semasa menuntut agar umat Islam melakukan perubahan dalam mengecapi kemajuan.

Menurut Syed Hussein (2015a, 150), usaha untuk menguasai ilmu sains sebagai satu daripada komponen kemajuan umat Islam bukanlah bermakna faktor kerohanian itu diketepikan. Syed Hussein menuntut agar penguasaan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan sains dikuasai oleh umat Islam supaya mereka tidak ketinggalan dalam arus pemodenan. Perkara ini turut diperakui oleh sarjana Syed Muhammad Naquib Alatas (2014) yang merupakan adik Syed Hussein sendiri yang turut berpendirian bahawa ilmu sains tidak bertentangan dengan Islam seperti yang dibahas dalam bukunya, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*. Sesuatu yang perlu adalah dari segi penggunaan ilmu sains itu yang perlu dikendalikan bagi tujuan manfaat umat manusia dan bukannya untuk tujuan kerosakan ataupun kezaliman terhadap pihak lain. Keperluan ilmu sains ini juga tidak seharusnya diabaikan oleh umat Islam pada hari ini tatkala dunia sedang melalui tempoh Revolusi Industri 4.0 dengan berteraskan *Artificial Intelligence* (AI) dalam kebanyakan urusan harian.

Melalui kenyataan tersebut, jelaslah bahawa semangat berfikir itu perlu dihidupkan dalam diri umat Islam bagi membina satu keupayaan dalaman untuk mereka memperoleh kemajuan. Hal ini demikian kerana, Islam yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW tidak menuntut umatnya semata-mata mengejar kehidupan akhirat. Ayat-ayat dalam al-Quran itu sendiri banyak yang menuntut umat Islam supaya meraih kebaikan di dunia dan di akhirat selaras dengan tanggungjawab individu itu sebagai khalifah di muka bumi di samping sebagai hamba kepada Allah SWT. Dengan itu, seruan Syed Hussein supaya



wujudnya semangat berfikir dalam kalangan umat Islam merupakan satu usaha daripada seorang individu yang ingin melihat umat Islam maju. Keberadaan idea dan usaha beliau ini setidak-tidaknya telah mencabar kedudukan idea penjajah yang membelenggu pemikiran dan kemunduran umat Islam pada hari ini.

## Rumusan

Kesimpulannya, idea semangat berfikir oleh Syed Hussein Alatas merupakan satu instrumen yang praktikal dan realistik untuk diaplikasikan dalam usaha pencerahan identiti diri dan kemajuan umat Islam dalam dunia pada hari ini. Gagasan idea beliau ini bukanlah suatu yang bersifat retorik ataupun kerangka teoritikal yang terlalu idealistik untuk difahami atau diaplikasikan oleh diri setiap individu. Gesaan Syed Hussein kepada umat Islam untuk berfikir dan hidup dalam kerangka Islam merupakan satu saranan supaya umat ini tidak ketinggalan dalam perubahan dunia pada hari ini. Tidak keterlaluan sekiranya idea semangat berfikir oleh Syed Hussein itu disifatkan sebagai panduan untuk mendepani cabaran dan tentangan pemikiran sezaman yang perlu dilalui oleh umat Islam. Penulisan daripada Syed Hussein ini perlulah diteliti dan diletakkan pada tempatnya yang sesuai dalam wacana intelektual kini di samping pembudayaan atas idea semangat berfikir tersebut. Hal ini tidak lain adalah untuk memastikan umat Islam mampu menguasai ruang ilmu pengetahuan, saintifik, dan nasionalistik serta pada masa yang sama, tidak mengetepikan nilai Islam itu sendiri sebagai identiti diri.

Tindakan Syed Hussein menyeru idea semangat berfikir ini dapat dijadikan sebagai elemen penting untuk pencerahan identiti diri umat Islam seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Semangat berfikir tersebut mampu merevolusikan perubahan diri individu bermula dengan perubahan dalaman sebelum diinterpretasikan dalam pelakuan lahiriah. Keadaan ini amat diperlukan dalam menggerakkan umat Islam dalam kesediaan menghadapi perubahan sezaman yang begitu mementingkan keseimbangan pembangunan diri dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Perkara ini kemudiannya perlu dibuktikan dalam usaha untuk membina kemajuan diri individu yang pada akhirnya berkait dengan pembangunan satu kelompok masyarakat. Komponen kemajuan tersebut bukanlah semata-mata terletak pada pencapaian material bahkan turut berkait dengan soal sosial dan spiritual diri individu itu sendiri. Oleh itu, pembudayaan idea semangat berfikir oleh Syed Hussein ini setidak-tidaknya dapat berfungsi sebagai jalur pemikiran dan petunjuk ke arah kemajuan umat yang mapan seiring dengan perubahan domestik mahupun perubahan global dalam arena penguasaan ilmu pengetahuan.

## Senarai Rujukan

- A. B. Shamsul. (2005). A Question of Identity: Knowledge and the Formation of Post-Colonial Nationstates in Asia. Dlm, Riaz Hassan (Pnyt.). *Local and Global: Social Transformation in Southeast Asia: Essays in Honor of Professor Syed Hussein Alatas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Freire, P. (2005). *Pedagogy of the Oppressed*, Myra Bergman Ramos (Terj.). New York: Continuum.
- Gutas, D. (1998). *Greek Thought, Arabic Culture: The Graeco-Arabic Translation Movement in Baghdad and Early Abbasid Society*. New York: Routledge.
- Holowchak, M. A. (2014). *Thomas Jefferson's Philosophy of Education: A Utopian Dream*. Routledge, New York.
- Hourani, A. (1983). *Arabic Thought in the Liberal Age 1798-1939*. New York: Cambridge University Press.

*Idea Semangat Berfikir oleh Syed Hussein Alatas: Tinjauan terhadap Pengukuhan Identiti dan Persoalan Kemajuan Umat Islam*

- Kamarul Afendey Hamimi. (2018). Kaum Muda Penggerak Kesedaran Kemerdekaan Tanah Melayu 1906-1957. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. [https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/4495\\_4495.pdf](https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/4495_4495.pdf).
- Khondker, H. H. (2006). Sociology of Corruption and 'Corruption of Sociology': Evaluating the Contributions of Syed Hussein Alatas, *Current Sociology*. 54 (25), 25-39.
- Kunitake, K. (2009). *Japan Rising: The Iwakura Embassy to the USA and Europe 1871-1873*. New York: Cambridge University Press.
- Kuru, A. T. (2019). *Islam, Authoritarianism, and Underdevelopment: A Global and Historical Comparison*. London: Cambridge University Press.
- Locke, J. (2003). *Two Treaties of Government and A Letter Concerning Toleration*. New Haven: Yale University Press.
- Maia, J. M. (2014). History of Sociology and the Quest for Intellectual Autonomy in the Global South: The Cases of Alberto Guerreiro Ramos and Syed Hussein Alatas, *Current Sociology*. 62 (7), 1097-1115.
- Moosavi, L. (2019). Decolonising Criminology: Syed Hussein Alatas on Crimes of the Powerful, *Critical Criminology*. 27, 229-242.
- Said, E. W. (2001). *Culture & Imperialism*. London: Vintage Publishing.
- Said, E. W. (2019). *Orientalism*. London: Penguin Books Ltd.
- Sharifah Munirah Alatas. (2020). Applying Syed Hussein Alatas's Ideas in Contemporary Malaysian Society, *Asian Journal of Social Science*. 48, 319-338.
- Syed Hussein Alatas. (2015a). *Kita dengan Islam Tumbuh Tiada Berbuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Hussein Alatas. (2015b). *Biarkan Buta: Sekitar Perbahasan Ilmiah Derma Kornea Mata*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Hussein Alatas. (2015c). *Siapa yang Salah Sekitar Revolusi Mental dan Peribadi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Hussein Alatas. (2016a). *Mitos Peribumi Malas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016a.
- Syed Hussein Alatas. (2016b). *Intelektual Masyarakat Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Hussein Alatas. (2016c). *Rasuah: Sifat, Sebab dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (2014). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*. Skudai: Penerbit UTM.